TVERIJ
TVET Research and Innovation Journal
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University

Kesediaan Guru-guru Kemahiran Vokasional Spesifik di Program Pendidikan Khas Integrasi dalam Melaksanakan Pusat Bertauliah Cawangan Modular di Negeri Johor

Readiness of Specific Vocational Skills Teachers in the Integrated Special Education Program in Implementing Modular Branch Accredited Centers in the State of Johor

Sharifah Nurulaisyah Syed Tahir*, Johthi Subramaniam, Noraini Abdullah

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia
***Corresponding author email: ntsharifahyun@gmail.com**

SEJARAH ARTIKEL
Diterima: 23 September 2025
Disemak: 11 Oktober 2025
Diterima: 3 November 2025
Diterbitkan: 8 Disember 2025

KATA KUNCI
Kesediaan guru
Pendidikan Khas
Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS)
Pusat Bertauliah Cawangan (PBC)
PPKI
SDG 4

ABSTRAK - Kajian ini meninjau tahap kesediaan guru Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Negeri Johor terhadap pelaksanaan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC). Objektif kajian adalah untuk menilai kesediaan guru dalam aspek pengendalian murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK), tahap pengetahuan dan kemahiran berkaitan KVS, serta pelaksanaan PBC di peringkat sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan, melibatkan seramai 55 orang guru KVS yang dipilih secara rawak sebagai responden. Instrumen soal selidik digunakan bagi pengumpulan data, manakala analisis data dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 29.0 bagi mendapatkan nilai frekuensi, peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap tinggi (min = 4.18), manakala tahap kemahiran berada pada tahap sederhana tinggi (min = 3.86). Dapatan ini memberikan cadangan konkrit kepada KPM untuk menyediakan latihan pedagogi praktikal dan bimbingan berstruktur agar pelaksanaan PBC dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ) serta guru-guru KVS PPKI dalam merancang dan melaksanakan inisiatif latihan bertauliah bagi MBPK secara lebih sistematik dan inklusif.

***ABSTRACT** - This study examines the level of readiness of Specific Vocational Skills (KVS) teachers in the Integrated Special Education Program (PPKI) of Johor State towards the implementation of Branch Accredited Centers (PBC). The objective of the study is to assess the readiness of teachers in the aspect of handling students with special educational needs (MBPK), the level of knowledge and skills related to KVS, and the implementation of PBC at the school level. This study uses a quantitative approach with a survey design, involving 55 KVS teachers who were randomly selected as respondents. A questionnaire instrument was used for data collection, while data analysis was carried out using SPSS version 29.0 software to obtain frequency, percentage and mean values. The results of the study show that the level of teacher knowledge is at a high level (mean = 4.18), while the level of skills is at a moderately high level (mean = 3.86). These findings provide concrete recommendations to the Ministry of Education to provide practical pedagogical training and structured guidance so that the implementation of PBC can be carried out more effectively. This study is hoped to be a guide for the Ministry of Education Malaysia (KPM), the Johor State*

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Education Department (JPNJ) and KVS PPKI teachers in planning and implementing accredited training initiatives for MBPK in a more systematic and inclusive manner.

PENGENALAN

Perkembangan pesat Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) telah membawa perubahan ketara dalam pelbagai sektor termasuklah sektor pendidikan, yang merupakan asas utama dalam membentuk tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi menghadapi keperluan abad ke-21. Dalam konteks ini, sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kemahiran teknikal tetapi juga kecekapan insaniah yang diperlukan oleh pasaran kerja masa kini dan masa hadapan. Justeru, perhatian serius perlu diberikan terhadap usaha memperkukuh pendidikan dan latihan bagi memastikan tenaga kerja mahir dapat dilahirkan bagi memenuhi keperluan ekonomi negara.

Bagi menyahut cabaran tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah memperkenalkan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) yang mula diperkenalkan pada tahun 2017. Langkah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) menguasai kemahiran dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Penyertaan MBPK dalam bidang kemahiran juga penting bagi membolehkan mereka menyumbang secara aktif kepada pembangunan ekonomi negara melalui penyertaan dalam sektor pekerjaan dan keusahawanan. Selaras dengan hasrat tersebut, KPM telah merancang pelaksanaan program pra-rintis penubuhan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) di sekolah menengah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Pelaksanaan PBC ini berpaksikan kepada modul Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dirangka secara modular dan ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui dokumen National Occupational Skills Standard (NOSS) sebagai panduan utama dalam pelaksanaan latihan dan penilaian kemahiran. Pendekatan ini dilihat sebagai langkah strategik ke arah pelaksanaan TVET inklusif yang memberi peluang sama rata kepada MBPK dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional.

Kajian ini dijalankan bagi menyumbang kepada pembangunan pendidikan khas melalui analisis pelaksanaan PBC di PPKI sebagai satu pendekatan sistematik ke arah pelaksanaan TVET inklusif. Secara khususnya, kajian ini bertujuan menilai kesediaan dan keberkesanan pelaksanaan PBC bagi MBPK serta mengenal pasti impak latihan kemahiran terhadap kebolehpasaran mereka. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memperkukuh dasar pendidikan khas sedia ada dan menyokong usaha ke arah pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam kalangan MBPK. Menurut Kamus Dewan (2017), kesediaan merujuk kepada ketersediaan, kemahuan dan keinginan untuk melaksanakan sesuatu tugas. Dalam konteks pendidikan, kesediaan merangkumi tahap yang perlu dicapai oleh seseorang guru untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan. Tahap ini bergantung kepada faktor seperti kematangan, pengalaman serta pengetahuan profesional. Sehubungan itu, Gunasegaran (2021) menjelaskan bahawa kesediaan juga merujuk kepada keadaan di mana perkembangan fizikal, mental, emosi atau sosial seseorang telah mencukupi untuk menyelesaikan sesuatu tugasan. Dari sudut falsafah pendidikan, matlamat pelaksanaan PBC hanya dapat dicapai apabila guru itu sendiri memahami kandungan kurikulum, menguasai kemahiran yang diajar dan bersedia menyampaikannya kepada murid. Guru berperanan sebagai agen perubahan utama dalam memastikan kejayaan pelaksanaan PBC. Oleh itu, pengetahuan pedagogi guru mengenai kemahiran berkaitan PBC memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) di bilik darjah dan seterusnya memastikan keberkesanan pelaksanaan TVET inklusif kepada MBPK.

1.1 Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) diperkenalkan sebagai pengganti kepada Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bermula secara berperingkat pada tahun 2017. Inisiatif ini sejajar dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang menekankan penambahbaikan kandungan dan standard pengajaran agar setanding dengan standard antarabangsa serta memastikan kesesuaian dan keberkesanan kurikulum untuk MBPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Beberapa elemen seperti Kemahiran Abad Ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah diintegrasikan dan disisipkan bagi memperkasakan MBPK dengan kemahiran yang relevan, dinamik dan berpaksikan kepada keperluan semasa.

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

KSSMPK dibangunkan dengan merangkumi standard kandungan dan standard pembelajaran yang diselaraskan dengan standard prestasi. Standard prestasi ini berperanan sebagai kriteria penilaian untuk mengukur tahap penguasaan serta kompetensi pelajar. Pendekatan kurikulum ini menyediakan ruang pembelajaran yang sistematik bagi MBPK untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran vokasional secara profesional, sekali gus mempersiapkan mereka untuk berdikari serta berdaya saing dalam pasaran pekerjaan. Bagi MBPK yang mengikuti aliran kemahiran vokasional, kurikulum ini juga turut memperkenalkan beberapa mata pelajaran teras bagi melengkapkan mereka dengan pengetahuan asas dalam mengurus diri, bahan, peralatan dan persekitaran kerja. Komponen mata pelajaran kemahiran ini merangkumi kemahiran asas serta kemahiran vokasional spesifik yang menjurus kepada ke arah kebolehpasaran dan keusahawanan. Peralihan kerjaya atau program transisi kerjaya turut diterapkan secara berperingkat dalam semua mata pelajaran, dengan objektif meningkatkan kemahiran MBPK secara berterusan sejak awal penglibatan mereka di peringkat menengah (KPM, 2016; KPM, 2017).

1.2 Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS)

Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) ialah satu komponen yang penting dalam KSSMPK. Kurikulum ini lebih memfokuskan kepada penguasaan kemahiran praktikal untuk tujuan persediaan kerjaya. Komponen ini juga merangkumi dua bahagian utama iaitu Kemahiran Asas Vokasional (KAV) dan KVS, yang direka berasaskan tiga elemen utama iaitu kemahiran kebolehpasaran, kemahiran keusahawanan, serta kemahiran pekerjaan khusus (KPM, 2016). Selain kemahiran teknikal, komponen ini juga turut menekankan pada pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi berkesan, kerjasama dalam pasukan, kejujuran, dan ketepatan masa. Menurut McDaniels (1992), kemahiran insaniah ini merupakan antara kriteria penting yang sering diutamakan oleh majikan.

Pelaksanaan KVS menyediakan peluang kepada MBPK untuk mengikuti latihan dan penilaian berstruktur selama dua tahun. Pelaksanaan ini melayakkan mereka memperoleh Sijil Penyata Pencapaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia. Penganugerahan sijil tersebut adalah berasaskan tahap pencapaian pelajar terhadap tugasan yang digariskan melalui National Occupational Skills Standard (NOSS), iaitu dokumen rasmi yang mentakrifkan kompetensi sesuatu bidang pekerjaan serta tahap kelayakan berkaitan di Malaysia (Kemahiran & Manusia, 2021).

1.3 Persijilan Modular

Program Persijilan Modular telah diperkenalkan oleh JPK sebagai alternatif kepada laluan latihan kemahiran penuh. Program ini berbentuk jangka pendek dan akan dilaksanakan di Pusat Bertauliah (PB) dengan tempoh latihan yang telah diluluskan. Fokus program ini adalah pada satu atau lebih Unit Kompetensi (Competency Unit, CU) yang terkandung dalam dokumen National Occupational Skills Standard (NOSS) yang sama (Kemahiran & Manusia, 2021). Pendekatan modular ini memberikan fleksibiliti kepada pelatih untuk memulakan latihan dari tahap asas dan meningkatkan kemahiran secara berperingkat.

Persijilan Modular berperanan penting dalam memperluas akses dan meningkatkan penyertaan MBPK dalam latihan kemahiran, seiring dengan pelaksanaan KSSMPK secara menyeluruh. Program ini juga membolehkan pembelajaran disesuaikan dengan kebolehan individu, menggalakkan konsep pembelajaran sepanjang hayat, serta membantu pelajar memperkukuh kemahiran spesifik dalam bidang pilihan mereka.

Antara mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) yang ditawarkan melalui program ini termasuk Penyediaan dan Pembuatan Makanan, Pembuatan Roti, Pembuatan Pastri, Servis Makanan dan Minuman, Operasi Pengeluaran Tanaman, Pembuatan Perabot, Refleksologi, Pembuatan Pakaian Wanita serta Reka Bentuk Multimedia Interaktif. Setiap mata pelajaran terdiri daripada tiga Unit Kompetensi (CU) yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM.

1.4 Pusat Bertauliah Cawangan (PBC)

Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) ialah institusi atau lokasi latihan kemahiran yang mendapat pengiktirafan JPK untuk melaksanakan program latihan dan penilaian berasaskan NOSS. Pelaksanaan KVS di sekolah menengah PPKI memerlukan sekolah ini ditauliahkan sebagai PBC. Dengan status ini, MBPK boleh didaftarkan sebagai pelatih sah dalam sistem MySPIKE dan layak untuk dinilai bagi memperoleh SKM (Kemahiran & Manusia, 2021).

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Untuk mendapat pentauliahan sebagai PBC, beberapa syarat penting perlu dipenuhi. Antaranya ialah kelayakan guru yang mengajar KVS. Guru perlu memiliki Sijil Operasi Latihan Vokasional (VTO) atau Diploma TVET (TVET-I), mempunyai SKM sekurang-kurangnya Tahap 2 dalam bidang kemahiran berkaitan, serta mengikuti Kursus Induksi Personel Pentauliahan (PP-PPD-PPB). Guru yang memenuhi syarat ini akan dilantik sebagai Pegawai Penilai Modular (PP-m).

Selain itu, bengkel kemahiran di sekolah juga perlu mematuhi kriteria keselamatan yang ditetapkan, termasuk mendapatkan pengesahan keselamatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Dari segi pentadbiran, PBC perlu melantik seorang Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) yang diiktiraf oleh JPK. PPB ini bertanggungjawab mengurus hal pentadbiran pusat dan mesti lulus Kursus Induksi Personel Pentauliahan. Apabila MBPK mengikuti latihan kemahiran di PBC, mereka akan didaftarkan secara rasmi dan dinilai mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh JPK.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berasaskan pengumpulan serta analisis data numerik, selaras dengan takrifan dan amalan semasa dalam metodologi penyelidikan kuantitatif (Creswell & Creswell, 2024; Kothari & Garg, 2024; Lim, 2024). Seperti yang dinyatakan oleh Idris (2013), pelaksanaan kajian kuantitatif memerlukan perancangan rapi yang meliputi proses mengenal pasti masalah, menentukan populasi dan sampel, memilih kaedah pengumpulan maklumat, membangunkan instrumen kajian, seterusnya menjalankan analisis data. Kualiti instrumen yang dibangunkan juga turut memainkan peranan penting dalam menentukan kebolehpercayaan dapatan.

Penggunaan kaedah pensampelan dalam kajian ini adalah selaras dengan pendekatan kuantitatif yang digunakan. Prosedur pensampelan melibatkan pemilihan responden secara rawak, dengan andaian bahawa sampel yang dipilih mewakili ciri-ciri utama populasi yang dikaji. Sehubungan itu, populasi kajian merangkumi guru sekolah menengah PPKI di negeri Johor, manakala sampel kajian terdiri daripada 55 orang guru PPKI yang mengajar mata pelajaran KVS.

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, seperti disarankan oleh Valli (2017), kerana kaedah ini lebih efisien dari segi penjimatan masa, kos dan tenaga serta sesuai untuk mengumpul data secara sistematik dalam kajian kuantitatif. Soal selidik yang dibina adalah berdasarkan objektif serta persoalan kajian berkaitan dengan pelaksanaan PBC dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru. Pendekatan ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif yang menganalisis data menggunakan kekerapan, min dan peratusan (Lambert, 2019).

Soal selidik diedarkan melalui penggunaan medium Google Form yang diberikan pautan dalam aplikasi whatapp dan telegram kepada responden. Ini bagi membolehkan data dapat dikumpulkan dengan cepat dan terus daripada guru terlibat. Kaedah ini juga membolehkan dapatan diuji secara statistik menggunakan analisis deskriptif serta inferensi bagi menghasilkan maklumat yang lebih kukuh dan boleh dipercayai (Hamdan, 2017). Kajian ini telah menggunapakai Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 29.0 untuk menganalisis data kajian.

2.1 Instrumen Kajian

Instrumen kajian dibina berdasarkan dapatan daripada kajian terdahulu dan telah diubah suai mengikut keperluan kajian ini. Soal selidik digunakan sebagai alat utama kerana ia membolehkan pengumpulan data secara sistematik dan mudah dianalisis. Instrumen diadaptasi daripada beberapa kajian lepas, termasuk Abdul Rahman (2016), Derapa & Mohamed (2016) serta Palaniandy & Mohd Hanafi (2021).

2.2 Soal Selidik

Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian utama:

- Bahagian A: Maklumat demografi responden (10 item)
- Bahagian B: Tahap pengetahuan guru KVS (12 item)
- Bahagian C: Tahap kemahiran guru KVS (12 item)

Bahagian B dan C menggunakan Skala Likert lima mata (1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju) bagi mengukur tahap persetujuan responden terhadap item yang dikemukakan. Pemilihan skala ini adalah kerana kebolehpercayaannya dalam mengukur pandangan dan persepsi responden

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

(Budiaji, 2013). Secara keseluruhan, instrumen ini mengandungi 34 item yang telah disahkan kandungannya melalui rujukan pakar serta perbincangan bersama penyelia kajian.

Pengesahan kandungan item soalan soal selidik dilakukan secara manual bersama-sama dua orang pakar seperti diatas. Pakar A merupakan seorang penolong pengarah di sektor Pendidikan Khas di Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang Pendidikan khas dan pengoperasian pendidikan khas di peringkat negeri. Pakar B pula seorang Penolong PPD (Pendidikan Khas) Unit Pendidikan Khas yang mempunyai kelulusan PhD dalam bidang pendidikan khas.

DAPATAN

Analisis tahap pengetahuan guru KVS terhadap pelaksanaan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) melibatkan 12 item soal selidik. Hasil analisis deskriptif menunjukkan purata min keseluruhan ialah 4.18, iaitu pada tahap tinggi. Dapatan menunjukkan majoriti guru mempunyai pengetahuan yang mantap tentang pelaksanaan KVS dan PBC. Item tertinggi ialah B9 (min = 4.42) yang menunjukkan guru sentiasa berusaha menambah pengetahuan berkaitan KVS. Sebanyak 10 item berada pada tahap tinggi, manakala dua item (B3 dan B12) berada pada tahap sederhana tinggi.

Bagi aspek kemahiran pelaksanaan PBC, purata min keseluruhan ialah 3.86, menunjukkan tahap sederhana tinggi. Lima item menunjukkan tahap tinggi, dengan item tertinggi ialah C10 (min = 4.29) yang merujuk kepada usaha guru meningkatkan kemahiran berkaitan KVS. Selebihnya, tujuh item berada pada tahap sederhana tinggi, dengan item C7 (min = 3.29) berkaitan kemahiran mengubahsuai WIM mencatatkan skor paling rendah dalam kumpulan ini.

Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBC berada pada tahap tinggi, manakala tahap kemahiran pula berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru KVS di PPKI mempunyai asas pengetahuan yang kukuh namun masih terdapat keperluan peningkatan dari aspek kemahiran pelaksanaan yang lebih praktikal, khususnya dalam aspek penyediaan dan pengubahsuaian bahan pembelajaran seperti WIM dan pengurusan pentaksiran.

Hasil ini juga menunjukkan kesediaan guru untuk melaksanakan Pusat Bertauliah Cawangan adalah memberangsangkan, namun memerlukan intervensi latihan lanjutan dan bimbingan berstruktur agar pelaksanaan dapat mencapai tahap keberkesanan yang optimum sejajar dengan matlamat TVET inklusif untuk murid berkeperluan pendidikan khas.

PERBINCANGAN

Perbincangan ini mengupas dapatan kajian berdasarkan dua aspek utama iaitu tahap pengetahuan dan kemahiran guru KVS terhadap pelaksanaan PBC di PPKI.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru KVS berada pada tahap tinggi, dengan min purata 4.18 dan sisihan piawai 0.374. Pengetahuan guru memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PBC. Guru yang memiliki kefahaman kukuh terhadap kurikulum KVS, pedagogi, dan konsep PBC berupaya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna kepada MBPK.

Kajian ini menyokong dapatan terdahulu (Abdullah et al., 2016; Derapa & Mohamed, 2018) yang menunjukkan guru berpengalaman cenderung memiliki pengetahuan lebih tinggi dalam pelaksanaan pendidikan vokasional. Malahan, latihan dalam perkhidmatan juga dikenal pasti sebagai faktor penyumbang utama kepada peningkatan pengetahuan guru (Aizat, 2018).

Selain itu, KPM dan pihak berkepentingan seperti JPN, PPD dan pentadbiran sekolah digesa untuk melaksanakan kursus, bengkel dan latihan berkala bagi memperkukuh pemahaman guru terhadap PBC. Guru juga disaran memperluas penguasaan terhadap kandungan KSSMPK agar dapat menyesuaikan pendekatan pedagogi dengan keperluan murid secara efektif (Salrizatul, 2020).

Dari aspek kemahiran, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru KVS berada pada tahap sederhana tinggi, dengan min purata 3.86 dan sisihan piawai 0.361. Kemahiran guru dalam aspek teknikal dan pedagogi adalah penting, khususnya dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan kompetensi serta pengubahsuaian WIM mengikut kehendak NOSS.

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Guru perlu diberi latihan berterusan untuk memperkukuh kemahiran teori dan amali dalam KVS, termasuk pengajaran berasaskan kompetensi, penggunaan bahan bantu mengajar dan pelaksanaan pentaksiran modular. Kajian ini turut menekankan keperluan pembangunan profesional guru, selaras dengan dapatan Norfadhilah (2014) dan Hashim (2008) yang menunjukkan latihan dan bengkel meningkatkan tahap kompetensi guru.

Tambahan pula, beberapa kekangan seperti kekurangan kemudahan bengkel, ketidakjelasan kriteria pemilihan pelajar, serta keperluan naik taraf fasiliti memerlukan perhatian segera. Guru juga perlu jelas dengan objektif PBC dan menunjukkan kreativiti dalam menarik minat murid untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran.

Secara keseluruhan, pelaksanaan PBC yang berkesan memerlukan guru yang bukan sahaja memiliki pengetahuan yang kukuh, tetapi juga kemahiran teknikal dan pedagogi yang tinggi. Oleh itu, usaha berterusan perlu digerakkan bagi memperkasa guru KVS melalui latihan, sokongan pentadbiran dan kemudahan yang mencukupi.

KESIMPULAN

Implikasi Kajian dan Cadangan Kajian LanjutanKajian kuantitatif ini telah melibatkan seramai 55 orang guru Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) daripada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di negeri Johor. Walaupun saiz sampel adalah terhad, dapatan kajian ini memberikan gambaran awal tentang tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC). Justeru, dicadangkan agar kajian masa hadapan dijalankan dengan melibatkan sampel yang lebih besar dan pelbagai lokaliti bagi meningkatkan kebolehumuman dapatan. Perkara ini penting dalam usaha memperkukuh pelaksanaan PBC bagi melahirkan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang kompeten dan berdaya saing.

Bagi menjamin kejayaan pelaksanaan PBC, guru-guru KVS perlu dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang pelbagai serta bersesuaian dengan keperluan MBPK. Kajian lanjutan boleh menggunakan pendekatan triangulasi melalui kaedah campuran (mixed methods) bagi memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh. Kajian secara kualitatif juga wajar dijalankan untuk menyelami pandangan, pengalaman dan persepsi guru dalam konteks sebenar, termasuklah meneroka dimensi sikap, emosi dan minat terhadap pelaksanaan kurikulum kemahiran dan perubahan pedagogi.

Selain itu, kajian juga boleh dikembangkan melalui penggunaan reka bentuk kajian yang lebih standard seperti eksperimen atau kajian kes untuk menilai impak intervensi secara lebih objektif. Berdasarkan maklumat dan maklum balas daripada responden, pengkaji mendapati bahawa beberapa strategi perlu diambil kira bagi meningkatkan tahap kesediaan guru KVS secara lebih sistematik.

Antara cadangan yang dikemukakan termasuklah pelaksanaan kursus penataran dan pembugaran kurikulum KSSMPK dalam skala kecil agar sesi perbincangan dan soal jawab dapat dijalankan secara lebih efektif. Sesi ‘brainstorming’ dalam kumpulan kecil akan membolehkan pertukaran idea yang lebih bermakna dan penguasaan kandungan kurikulum yang lebih baik. Di samping itu, guru-guru KVS perlu diberi latihan dan pendedahan secara berterusan merangkumi aspek teori dan amali melalui kursus, bengkel atau latihan kendiri bagi meningkatkan kemahiran pedagogi dan teknikal mereka.

Guru juga wajar diberikan bimbingan secara berkala berkaitan dokumen penting seperti National Occupational Skills Standard (NOSS) dan Work Instruction Manual (WIM) oleh agensi yang berautoriti seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan CIAST. Pemahaman yang mendalam terhadap NOSS dan kebolehan membina WIM berdasarkan kemampuan MBPK akan menjadikan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) lebih sistematik dan berfokus. Penghasilan WIM yang bersesuaian dengan keperluan sebenar murid akan menyokong pencapaian objektif kurikulum serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan KVS.

Penekanan terhadap penyelarasan objektif pengajaran dengan keupayaan sebenar MBPK juga penting agar pelaksanaan kurikulum menjadi lebih inklusif dan bermakna. Dalam hal ini, kolaborasi antara pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), JPK dan agensi swasta perlu diperkukuh bagi menyokong pembangunan profesional guru KVS dan menjamin kemenjadian MBPK secara holistik.

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru KVS memainkan peranan yang signifikan dalam kejayaan pelaksanaan Pusat Bertauliah Cawangan (PBC). Kajian ini menyumbang kepada pembangunan ilmu dalam bidang pendidikan khas, khususnya dari aspek latihan vokasional untuk MBPK. Implikasinya, dapatan ini dapat dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan dalam merangka dasar, latihan, dan strategi pelaksanaan yang lebih berkesan. Adalah diharapkan agar usaha ke arah melahirkan MBPK yang kompeten, berdikari dan mampu bersaing dalam pasaran kerja dapat direalisasikan melalui peranan guru KVS yang bersedia dari aspek pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris atas sokongan institusi dan kemudahan yang disediakan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua peserta/responden yang telah meluangkan masa dan berkongsi pandangan mereka semasa proses pengumpulan data.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Penulis 1.: Struktur penulisan artikel. **Penulis 2.**: Metodologi, Dapatan dan perbincangan. **Penulis 3.**: Semakan dan penambahbaikan.

KEBOLEHPEROLEHAN DATA DAN BAHAN

Data boleh diperoleh atas permintaan daripada para penulis.

PERISYTIHARAN MENGENAI AI GENERATIF

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada penggunaan AI generatif dalam penulisan artikel ini.

KENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2024). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (7th ed.). Pearson.

Kothari, C. R., & Garg, G. (2024). *Research methodology: Methods and techniques* (5th ed.). New Age International.

Djamba, Y. K., & Neuman, W. L. (2002). Social Research Methods: Qualitative And Quantitative Approaches. In Teaching Sociology (Vol. 30, Issue 3). https://doi.org/10.2307/3211488)

Bahagian Pendidikan Khas. (2015). Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi.

Bahagian Pendidikan Khas, K. (2016). Buku Data Pendidikan Khas 2018. 1–23.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kementerian Pendidikan Malaysia Garis Panduan Program Transisi Ke Kerjaya Murid Berkeperluan Khas (Mbk). 22.

KPM. (2013). Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. Education, 27(1), 1–268. http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051x10001435

KPM. (2016). Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil 9, Tahun 2016. In Kementerian Pelajaran Malaysia (Issue Pppp, Pp. 315–323).

Derapa, N. F., & Mohamed, S. (2016). *Pembelajaran melaksanakan pengajaran* (pp. 33–40).

Mohd Tajuddin, N., Shaffeei, K., & Manusia, F. P. (2023). Kesediaan Guru Pendidikan Khas Dalam Pelaksanaan Program Transisi Kerjaya. 16(1), 2821–3173. https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.sp.1.2023

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license

Nur Hazwanie Azahari, Isa Hamzah, M. H. M. Y. (2020). Tahap Latihan Dan Kemahiran Guru Pendidikan Khas Menghadapi Cabaran Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Vokasioanal Spesifik (Kvs) Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Kssmpk). Tahap Latihan Dan Kemahiran Guru Pendidikan Khas Menghadapi Cabaran Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Vokasioanal Spesifik (Kvs) Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Kssmpk) Level, Xxxvii(Jurnal Penyelidikan).

Palaniandy, N., & Mohd Hanafi, M. Y. (2021). Tahap Kesediaan Guru Arus Perdana Terhadap Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif: Tinjauan Di Sekolah Menengah Daerah Gombak. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(1), 633–644. http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd

Jabatan Pembangunan Kemahiran Malaysia, K. P. M. (2012). Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012. 4(56).

Derapa, N. F., & Mohamed, S. (2016). Pembelajaran Melaksanakan Pengajaran. 33–40.

Derapa, N. F., & Mohamed, S. (2018). Kesediaan Guru Pendidikan Khas Dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman. Jurnal Ortopedagogia, 4(1), 66–71. https://doi.org/10.17977/um031v4i12018p066

https://doi.org/10.37134/trij.vol1.1.1.2025
© 2025 Syed Tahie et al. Published by Pejabat Karang Mengarang (UPSI Press).
This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 license